

## **PERBANDINGAN METODOLOGI PENULISAN KARYA ULUM AL-QURAN DAN KARYA PENGANTAR ULUM AL-QURAN DI MALAYSIA**

**Siti Fatimah Rafik & Farrah Yazmin Aziz**

Kolej Universiti Islam Melaka

*fatimahrafik@kuim.edu.my & farrahyazmin@kuim.edu.my*

### **ABSTRAK**

Ulum Al-Quran merupakan bidang ilmu yang bertujuan untuk mengamalkan dan memahami isi kandungan al-Quran dengan sempurna. Sungguhpun ilmu ini telah wujud sejak zaman Rasulullah S.A.W, namun, perkembangan penulisan mengenai huraian Ulum Al-Quran di Malaysia berlaku pada awal tahun 1990-an meskipun pada abad ke-19 telah wujud karya tafsir al-Quran di Tanah Melayu berjudul Nurul Ihsan. Justeru, kajian ini menerokai metodologi penulisan karya yang telah diguna pakai oleh penulis dalam menghuraikan kepentingan dan kandungan Ulum Al-Quran khususnya di negara Malaysia dengan mengambil dua buah karya penulisan yang masyhur dalam kalangan pelajar bidang Pengajian Islam. Hasil analisis kajian mendapati terdapat persamaan dan perbezaan metodologi di antara dua buah karya berikut merangkumi aspek penyusunan topik yang disusun oleh penulis, gaya bahasa yang digunakan dan sumber rujukannya. Hal ini berlaku kerana penulisan karya tersebut bergantung kepada latar belakang penulis dan sumber-sumber rujukan yang diperoleh. Kemunculan dua buah karya ini merupakan salah satu sumbangan yang besar pada penuntut ilmu yang memerlukan huraian Bahasa Melayu khususnya orang awam dan pelajar sekolah kerana kebanyakkan sumber rujukan adalah daripada penulisan dalam Bahasa Arab.

**Kata Kunci:** Ulum Al-Quran, Metodologi Penulisan, Karya.

### ***COMPARATIVE METHODOLOGY OF WRITING ANALYSIS OF ULUM AL-QURAN AND THE WORK OF THE ULUM AL-QURAN IN MALAYSIA***

### **ABSTRACT**

Ulum Al-Quran is a field of knowledge aimed at practicing and understanding the contents of the Quran perfectly. Although this knowledge has existed since the time of Rasulullah S.A.W, however, the development of the writing of Ulum Al-Quran in Malaysia occurred in the early 1990s although in the 19th century there was a work of Quranic interpretation in Tanah Melayu called Nurul Ihsan. Hence, this study explores the methodology of writing works that have been used

by authors in describing the importance and content of Ulum Al-Quran especially in Malaysia by taking two famous works of art among students of Islamic Studies. The result of the analysis shows that there are similarities and differences in methodology between the following two works covering aspects of the topics compiled by the author, the style of the language used and the source of the reference. This is true because the writing of the work depends on the background of the author and the source of reference obtained. Ironically, the emergence of these two works is one of the major contributions to students who need the description of the Malay language, especially the public and the students because most of the references are from Arabic.

**Keywords:** *Ulum Al-Quran, Writing Methodology, Art*

## PENGENALAN

Pengajian berkaitan Ulum Al-Quran merupakan satu bidang ilmu yang penting untuk membolehkan seseorang muslim mengetahui, memahami dan menguasai ajaran al-Quran dengan baik. Walaupun secara rasminya ilmu ini disusun pada abad ke-3 hijrah, pengajian Ulum Al-Quran bermula sejak zaman Rasulullah S.A.W, sahabat dan tabi’en (Rosmawati Ali, 1997). Mahupun begitu, disiplin ilmu ini tidak dilakukan secara sistematis sehingga abad ke-3 hijrah.

Dewasa kini, pelbagai fakta mengenai agama Islam telah diputar belit oleh musuh-musuh Islam menyebabkan umat Islam tidak jelas fahaman dan tidak kukuh akidah. Mempelajari Ulum Al-Quran dapat menjadikan seorang muslim sentiasa bersedia untuk mempertahankan al-Quran daripada dicemari oleh musuh-musuh Islam. Ilmu ini dapat menjamin pemeliharaan al-Quran daripada kesalahan pentafsiran yang mungkin terjadi disebabkan oleh sebahagian individu yang tidak memahami kandungan dan pengajaran daripada huraiyan ayat al-Quran. Malah, beberapa ajaran sesat juga berlaku kerana salah faham terhadap tafsiran mengenai maksud ayat al-Quran. Dengan itu, pengetahuan mengenai ilmu ini amat penting untuk mengelak daripada masalah berlaku (Asmawi Haji Ehsan, 2004)

Pengajian Ulum Al-Quran berkait rapat dengan pengajian al-Quran yang dijalankan pada awal kedatangan Islam ke Alam Melayu. Bertitik tolak daripada pengajian al-Quran yang dijalankan di rumah, surau dan masjid, telah berkembang dengan pengajian-pengajian pada peringkat pondok, sekolah dan institusi pengajian tinggi. Namun, penulisan mengenai Ulum Al-Quran, tidak serancak sambutan di Indonesia. Walau bagaimanapun, kemunculan karya-karya Ulum Al-Quran di Malaysia masih boleh dibanggakan (Mustaffa Abdullah, 2009). Antara karya Ulum Al-Quran yang dikenal pasti di Malaysia adalah seperti berikut:

**Jadual 1:** karya-karya Ulum Al-Quran di Malaysia.

Bil.	Judul Karya	Huraian
1.	Ulum Al-Quran	Nama Pengarang: Asmawi Haji Ehsan Nama Buku: Ulum Al-Quran Penerbit: Pustaka Haji Abdul Majid Cetakan: Pertama (1995) dan Kedua (2004) Penyusun: Haji Abdul Majid bin Haji Jaafar Pengatur Huruf: Amir Hj Hamzah
2.	Pengantar Ulum Al-Quran	Nama Pengarang: Rosmawati binti Ali @ Mad Zain Penerbit: Pustaka Salam Cetakan: Pertama (1997) Bilangan Halaman: 271 mukasurat ISBN: 967-97-536
3.	Asas Memahami Ulum Al-Quran	Nama Pengarang: Alias bin Othman Penerbit: Risalah Harmoni Sdn. Bhd. Cetakan: Pertama (2015) Bilangan Halaman: 214 mukasurat ISBN: 978-967-13358-9-5
4.	Mengenal Al-Quran dan Asas-Asas Ulum Al-Quran	Nama Pengarang: Abdul Ghani Azmi Haji Idris Penerbit: Alhidayah Publisher Cetakan: Pertama (1999) Nombor Panggilan (Perpustakaan): BP130.4 Abdgahi. Perpustakaan: Perpustakaan Universiti Malaya
5.	Kunci Mengenal Al-Quran	Nama Pengarang: Zulkifli Haji Mohd. Yusoff Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka Cetakan: Pertama (1996) Bilangan Halaman: 180 mukasurat ISBN: 967-969-3511 (pbk.) Nombor Panggilan (Perpustakaan): BP130.4.Z84 1996 Perpustakaan: Perpustakaan UNITEN
6.	Karya terjemahan; Ulumul Quran [karya Muhammad Abdu Al-Azim Az- Zarqaniy]	Nama Penterjemah: Che Jaffar Che Hamid Penerbit: Pustaka Ikhwan Cetakan: Pertama (1986) Bilangan Halaman: 107 mukasurat Nombor Panggilan (Perpustakaan): 297.122 AZZ & (OCOLC)417235552 Perpustakaan: Perpustakaan Awam Kedah & National Library Board Singapore
7.	Ulum Al-Quran dan Ulum al-Hadith	Nama Pengarang: Zulkefli Haji Abu Bakar Penerbit: Belum diterbitkan (modul pembelajaran peringkat diploma) Cetakan: Keempat (2017) Bilangan Halaman: 104 mukasurat

## METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji telah melakukan kajian berbentuk kualitatif iaitu kajian perpustakaan dengan merujuk kepada bahan bacaan primer seperti al-Quran, kitab *turath* dan sumber sekunder seperti tesis, disertasi, kertas kerja, majalah, jurnal, prosiding, dokumen laporan, risalah dan laman sesawang yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Selain itu, pengkaji juga telah meneliti dan melakukan analisis perbandingan metodologi penulisan di antara dua buah karya yang dipilih dan memperiksa hasil dengan menggariskan beberapa aspek untuk diketengahkan dalam kajian ini serta menyenaraikan kekuatan dan kelemahan setiap karya yang telah dianalisis.

## METODOLOGI PENULISAN KARYA ULUM AL-QURAN DAN KARYA PENGANTAR ULUM AL-QURAN

Pengkaji telah memilih dua karya Ulum Al-Quran untuk diulas secara menyeluruh dan perbandingan berkaitan perbezaan daripada pelbagai aspek dengan lengkap berserta contoh. Pengkaji memilih karya Ulum Al-Quran hasil penulisan Asmawi Haji Ehsan sebagai karya pertama yang akan diulas, diikuti dengan karya Pengantar Ulum Al-Quran hasil tulisan Rosmawati Ali@Mat Zin. Hal ini kerana, kedua karya tersebut telah berada dalam pasaran semenjak tahun 1990-an, iaitu pada tahun 1995 dan 1997. Kedua-dua karya ini amat sinonim sebagai sumbangan yang besar dalam penyebaran ilmu Ulum Al-Quran kepada masyarakat umum dan pelajar.

### Tujuan dan Pengkhususan Penulisan

Karya Ulum Al-Quran oleh Asmawi Haji Ehsan dihasilkan bertujuan untuk membantu pelajar dalam mempelajari matapelajaran Usuluddin, khususnya pelajar yang menduduki Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Penulis karya ini juga berusaha untuk memenuhi sukanan pelajaran baru STPM yang ditetapkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia. Penulis menegaskan bahawa karya ini adalah salah satu bentuk catatan peribadi daripada nota pengajaran penulis dalam Bahasa Melayu. Pada masa tersebut, sumber rujukan untuk para pelajar hanyalah daripada Bahasa Arab memandangkan sumber ilmu ini datangnya dari tanah Arab (Asmawi, 2004).

Penulis juga menyebut nama rakan sejawatan yang bekerja sebagai pendidik yang mengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang 5, Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan yang banyak membantu penulis untuk menyempurnakan karyanya pada halaman Penghargaan. Penulis juga mempelawa individu atau pihak yang ingin memberi teguran membina bagi memperbaiki penulisannya.

Manakala, karya Pengantar Ulum Al-Quran oleh Rosmawati Ali@Mat Zin tidak menyatakan pengkhususan tujuan karya itu ditulis. Namun, penulis menyatakan harapan agar karya ini dapat menjadi sumbangan dan memberi manfaat kepada masyarakat. Penulis juga telah menyatakan hasrat karya ini dapat

membantu menangani masalah kekurangan bahan rujukan Bahasa Melayu di Malaysia. Untuk kebiasaan penuntut ilmu, penulis menyatakan kekurangan diri dan menyatakan kelebihan penulisan yang dihasilkan adalah daripada kurniaan yang Esa (Rosmawati Ali, 1997).

## Penyusunan Bab

Karya Ulum Al-Quran oleh Asmawi Haji Ehsan mengandungi sebelas bab, dan sebanyak 165 halaman yang bercetak. Pada bab yang pertama, membahaskan mengenai Ulum Al-Quran dan bidang kajiannya, manakala pada bab yang kedua topik yang dikupas mengenai al-Quran; iaitu perbahasan berkaitan pengertian al-Quran, asal perkataan al-Quran dan huraian pengertian al-Quran mengikut ulama. Dalam bab ketiga, penulis mengkhususkan perbincangan mengenai penurunan al-Quran iaitu kepentingan kaedah penurunan al-Quran, bukti al-Quran diturunkan secara beransur-ansur dan hikmah penurunan tersebut. Seterusnya, pada bab keempat, penulis meletakkan tajuk wahyu Allah S.W.T. Penulis menghuraikan mengenai pengertian wahyu, cara wahyu diturunkan serta penurunan wahyu yang pertama dan terakhir (Asmawi, 2004).

Pada bab yang seterusnya, penulis meletakkan tajuk Asbabun Nuzul (sebab penurunan ayat al-Quran). Pada bab yang keenam, penulis menyentuh perbahasan mengenai pengumpulan al-Quran. Penulis mengupas maksud pengumpulan al-Quran, sejarah dan kewujudan Mashaf Abu Bakar dan Mashaf Uthmani. Bab ketujuh adalah huraian mengenai ayat-ayat Makki dan Madani dalam al-Quran dan diikuti dengan bab kelapan yang menyentuh ayat dan surah serta susunannya. Kemudian, pada bab kesembilan adalah bab Tafsir dan Ta'wil. Dalam bab ini, penulis telah menyentuh adab sebagai seorang pentafsir al-Quran, pembahagian tafsir dan perbezaan antara tafsir dan ta'wil. Seterusnya, penulis meletakkan tajuk Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Ilmu Tafsir dan menghuraikan sejarah tafsir pada zaman Nabi Muhammad S.A.W, sahabat dan tabi'en. Pada bab terakhir, penulis menyentuh mengenai kitab-kitab tafsir dan metode yang menyatakan terdapat lima buah kitab yang penting untuk dihuraikan (Asmawi, 2004).

Manakala, karya Pengantar Ulum Al-Quran oleh Rosmawati Ali@Mat Zin disusun pada sembilan bahagian. Penyusunan bahagian ini adalah berlainan daripada gaya penulisan sezaman dengan penulis. Setelah membahagikan topik mengikut bahagiannya, setiap bahagian menerangkan tajuk topik berikut dengan lebih terperinci seperti bab yang ditanda dengan nombor. Bahagian tersebut disusun mengikut urutan abjad iaitu daripada huruf A sehingga huruf I. Penulis menulis topik dalam setiap bahagian dengan menggunakan angka roman iaitu (I,II,III,IV) dan menggunakan *bullet* untuk setiap pecahan daripada nombor tersebut (Rosmawati Ali,1997).

Pada bahagian A, penulis memilih tajuk Mukaddimah Ulum Al-Quran dan menerangkan mengenai pengertiannya, tahap perkembangan dan penulisan serta tokoh ulama yang terlibat. Penulis juga turut menyatakan bidang dan skop perbahasan Ulum Al-Quran serta faedah mempelajari Ulum Al-Quran. Bahagian dalam karya ini hampir menyerupai karya Ulum Al-Quran yang ditulis oleh

Asmawi Haji Ehsan. Namun, terdapat perbahasan mengenai tokoh dalam karya ini (Rosmawati Ali, 1997).

Pada bahagian B, topik berkaitan al-Quran dipilih. Bahagian ini merangkumi pengertian al-Quran, kelebihan al-Quran, nama-nama al-Quran, keistimewaan al-Quran, penulisan, pengumpulan dan pembukuan al-Quran yang menghuraikan kewujudan Mashaf Abu Bakar dan Mashaf Uthmani. Bahagian B dalam karya ini menyerupai karya Ulum Al-Quran yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan pada nama bab. Namun, karya ini turut menghuraikan pengumpulan dan pembukuan al-Quran tetapi karya Asmawi Haji Ehsan meletakkan pengumpulan dan pembukuan Al-Quran dalam bab yang berasingan iaitu pada bab keenam (Rosmawati Ali, 1997).

Seterusnya, pada bahagian C pada karya ini, penulis meletakkan topik Wahyu dan membahaskan mengenai pengertian wahyu, jenis-jenis wahyu, cara penurunan wahyu, kepentingan wahyu serta tokoh penulisan wahyu sama seperti penyusunan yang dilakukan oleh karya Ulum Al-Quran yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan. Namun, karya penulisan Asmawi Haji Ehsan terdapat elemen tambahan seperti pengertian dan perbezaan antara Al-Quran, hadis Qudsi dan hadis Nabawi. Selain itu juga, karya penulisan Asmawi Haji Ehsan turut menyentuh topik wahyu pertama dan terakhir diturunkan yang disentuh dalam karya penulisan Rosmawati Ali@Mat Zin pada bahagian yang seterusnya (Rosmawati Ali, 1997).

Seterusnya, pada bahagian D karya ini bertajuk Nuzul Al-Quran (Penurunan Al-Quran); mengandungi pengertian, cara penurunan al-Quran dan ayat yang pertama dan terakhir yang diturunkan. Perbandingan bahagian ini dengan bab ketiga pada Penurunan Al-Quran hasil penulisan Asmawi Haji Ehsan yang berjudul Ulum Al-Quran adalah sama kecuali pada perbahasan ayat pertama dan terakhir diturunkan telah dinyatakan pada bab Wahyu Allah S.W.T. (Rosmawati Ali, 1997).

Pada bahagian E menyentuh mengenai penyusunan al-Quran yang menghuraikan definisi ayat al-Quran, jumlah ayat al-Quran, surah, tertib surah dan perbahasan mengenainya serta faedah pembahagian surah. Perbezaan dengan karya Ulum Al-Quran yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan adalah ayat dan surah serta susunannya. Penulis juga menyentuh perbahasan mengenai penulisan al-Quran dengan Resam Uthmani dan menyatakan surah-surah yang mempunyai satu nama atau yang mempunyai lebih daripada satu nama (Rosmawati Ali, 1997).

Pada bahagian F bagi karya ini, penulis meletakkan Sebab Nuzul (penurunan) sebagai topik dalam bahagian ini. Penulis menyentuh mengenai pengertian, cara mengetahui sebab nuzul, riwayat dan ungkapan sebab nuzul, pembahagian Nuzul Al-Quran dan faedah mengetahui sebab nuzul. Kandungan dalam bahagian ini adalah sama dengan bab Asbabun Nuzul yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan dalam karyanya Ulum Al-Quran. Walau bagaimanapun, rangka penyusunan karya ini adalah lebih sistematik dan kemas (Rosmawati Ali, 1997).

Manakala pada bahagian G, diletakkan dengan topik ayat Makki dan Madani, huraian mengikut topik seperti pengertian, ciri-ciri pengenalan ayat

Makki dan Madani, penyusunan ayat dan jumlah surah al-Quran serta faedah mempelajari Makki dan Madani. Hal ini adalah bersamaan dengan bab ayat Makki dan Madani dalam karya Ulum Al-Quran yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan. Namun, penulis Rosmawati Ali@Mat Zin menyusun topik dan huraian dalam bab ini dengan lebih kemas dan menggunakan pembahagian yang bersistematik (Rosmawati Ali, 1997). Pada bahagian H, penulis menyentuh tentang tajuk Tafsir dan Ta’wil yang membahaskan pengertian tafsir, ta’wil dan perbezaan di antara keduanya serta ilmu tafsir dan sumber pengambilannya. Selain itu, penulis menyentuh mengenai sebab perlu mempelajari ilmu tafsir, tujuan dan keistimewaan tafsir, ilmu-ilmu yang diperlukan oleh pentafsir, syarat-syarat bagi ahli tafsir, adab pentafsir serta sejarah perkembangan ilmu tafsir yang meliputi zaman Rasulullah S.A.W dan sahabat sehingga zaman tabi’en. Bahagian ini juga mempunyai persamaan dengan karya Ulum Al-Quran yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan kecuali pada topik sejarah perkembangan ilmu tafsir, penjelasannya adalah secara terperinci dalam karya tulisan Rosmawati Ali@Mat Zin berbanding dengan karya Asmawi Haji Ehsan yang tidak menyentuh sejarah tersebut pada bab ini. Penulis karya Ulum Al-Quran telah menjadikan sejarah pertumbuhan dan perkembangan Ilmu Tafsir sebagai satu bab dan membuat huraian pada bab tersebut (Rosmawati Ali, 1997).

Akhirnya, pada bahagian yang terakhir, menyentuh mengenai kitab-kitab tafsir dan penulis menghuraikan empat buah kitab tafsir dan membahagikannya mengikut pembahagian kitab tafsir iaitu Tafsir Bi Al-Ma’tur dan kitab Tafsir Bi Al-Ra’yi. Perbandingan dengan karya Ulum Al-Quran yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan, penulis karya Ulum Al-Quran tidak membahagikan kelompok atau menyusun kitab-kitab tafsir mengikut ciri-ciri pentafsiran. Namun, kitab tafsir yang menjadi huraian dalam karya Ulum Al-Quran adalah sebanyak lima buah kitab, dengan penambahan kitab Tafsir Ibnu Abbas (Rosmawati Ali, 1997).

### **Penelitian Huraian Bab**

Pada bab pertama karya Asmawi Haji Ehsan yang berjudul Ulum Al-Quran, penulis menyentuh mengenai pengertian Ulum Al-Quran dan menyatakan satu definisi tanpa didatangkan sumber definisi tersebut (Asmawi,2004) seperti contoh:

*“Ulum Al-Quran ialah satu bidang perbahasan ilmu yang membahaskan aspek-aspek yang berkaitan dengan Al-Quran seperti permulaan turun, cara penurunan, tempat penurunan.....”.*

Manakala karya Rosmawati Ali@Mat Zin iaitu Pengantar Ulum Al-Quran, penulis memberikan pelbagai definisi Ulum Al-Quran dan dinyatakan sandaran kepada pemilik definisi bagi istilah tersebut (Rosmawati Ali, 1997) misalnya:

*“Menurut definisi yang diberikan oleh Al-Zarqani, Ulum Al-Quran ialah ilmu-ilmu yang mempelajari.....” dan juga “Menurut definisi yang diberikan oleh Imam Al-Suyuti, Ulum Al-Quran ialah satu bidang dan ruang lingkup ilmu yang membicarakan tentang al-Quran dari segi penurunannya...”.*

Hal ini menunjukkan ketelitian karya Pengantar Ulum Al-Quran dalam mendatangkan definisi sesuatu perkara. Hal ini juga adalah bersangkutan dengan penumpuan penulisan, seperti karya Ulum Al-Quran yang menumpukan penulisannya sebagai rujukan kepada para pelajar yang menduduki STPM yang tidak memerlukan perbahasan berkaitan definisi.

Seterusnya, dalam karya Rosmawati Ali@Mat Zin membincangkan mengenai mukjizat al-Quran pada bahagian B sama seperti yang dinukilkhan oleh karya Asmawi Haji Ehsan. Bagaimanapun, penulisan bagi karya Pengantar Ulum Al-Quran adalah secara mendalam dengan menerangkan definisi mukjizat al-Quran dan pembahagian mukjizat (Rosmawati Ali, 1997). Sebagai contoh, sedutan daripada karya Pengantar Ulum Al-Quran:

*“Pengertian al-Quran dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu pengertian bahasa dan pengertian istilah”.*

Manakala pada sedutan daripada pembahagian mukjizat adalah seperti berikut:

*“Mukjizat al-Quran secara lebih khusus dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian berikut: A. mukjizat bahasa, B. mukjizat dari segi isi kandungan, C. mukjizat dari segi ilmu”.*

Huraian yang lebih mendalam dengan hujah atau bukti daripada nas al-Quran juga disertakan dalam pembahagian ini (Rosmawati Ali, 1997) seperti contoh:

*“Mukjizat dari segi isi kandungan; 1. Isi kandungan al-Quran mempunyai hubungkait antara ayat dengan satu ayat atau surah yang tiada percanggahan di antara kandungan al-Quran sama ada dari aspek berita, pengajaran dan apa sahaja yang terkandung di dalamnya. Sebagaimana firman Allah S.W.T surah An-Nisa’ ayat 82 bermaksud: patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi al-Quran? kalaularah al-Quran itu bukan (datangnya) daripada Allah S.W.T, nescaya mereka akan dapat perselisihan yang banyak di dalamnya”.*

Manakala, karya Asmawi Haji Ehsan hanya menerangkan pembuktian mukjizat Al-Quran secara umum. Sebagai contoh daripada karya Asamawi Hj Ehsan:

*“Antara bukti kemukjizatan al-Quran: 1. Al-Quran melemahkan orang yang cuba untuk menandingi keunggulannya sama ada dari segi susunan bahasanya, kandungannya, ketinggiannya, kesusasteraananya dan sebagainya.....”.*

Dalam karya Ulum Al-Quran yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan, terdapat satu topik dalam bab kelapan yang bertajuk Faktor Berbezanya Tertib Surah Pada Mashaf Sahabat dan huraian daripada topik ini memenuhi satu muka halaman atau tiga perenggan. Manakala, dalam karya Rosmawati Ali@Mat Zin, tiada topik yang dibangkitkan seperti karya Ulum Al-Quran. Namun, terdapat

huraian di bawah tajuk Tertib Surah yang menyentuh mengenai perbezaan pendapat dan dihurai sebanyak tiga pendapat. Dalam huraian tersebut, penulis telah menjelaskan pendapat serta perbezaan penyusunan surah pada mashaf sahabat (Rosmawati Ali, 1997). Pengkaji mendapati, karya tulisan Rosmawati Ali@Mat Zin menyusun perbahasan yang terperinci tetapi dalam sesetengah topik tidak ditonjolkan isi kandungan dan tidak diwujudkan indeks perkataan.

## **PERBANDINGAN METODOLOGI PENULISAN**

Perbandingan metodologi penulisan pada kedua buah karya ini dapat diklasifikasikan seperti berikut:

### **Penyusunan Topik**

Kedua buah karya ini dianggap sebagai karya yang awal dalam penulisan berkaitan Ulum Al-Quran yang memberi pendedahan dalam Bahasa Melayu di Malaysia. Tidak dinafikan kewujudan karya daripada negara seberang sedikit sebanyak memberi impak kepada penghasilan semua jenis karya di Malaysia, meskipun kemunculan dua buah karya ini banyak membantu perkembangan ilmu Ulum Al-Quran serta penerimaan masyarakat terhadap ilmu tersebut.

Asmawi Haji Ehsan menyusun topik utama menggunakan perkataan bab dan telah menyunnnya dengan angka yang banyak iaitu sebanyak sebelas bab. Penulis menggandingkan dengan muka halaman sebanyak 154 muka surat khusus untuk menghuraikan topik tersebut selain daripada rujukan dan elemen tambahan iaitu soalan-soalan latihan (Asmawi, 2004). Manakala, penulis Rosmawati Ali@Mat Zin menggunakan perkataan bahagian untuk menunjukkan topik utama dalam karyanya. Tambahan pula, penulis telah membuat subtopik yang tersusun dan berkaitan dalam setiap bahagian dan diikuti dengan tajuk atau perkara yang membahaskan subtopik tersebut. Justeru itu, penulis telah menggunakan bilangan bahagian yang sedikit berbanding karya Asmawi Haji Ehsan iaitu sebanyak sembilan bahagian yang disusun menggunakan abjad (A hingga I). Namun, penulis Rosmawati Ali@Mat Zin telah memanfaatkan sebanyak 269 halaman untuk menerangkan perbahasan yang tidak termasuk dalam senarai rujukan (Rosmawati Ali, 1997). Contoh penyusunan isi kandungan yang menerangkan penjelasan di atas secara terperinci seperti berikut:

### **Bab 4 Wahyu Allah S.W.T**

- Pengertian wahyu
- Cara Malaikat Menerima Wahyu
- Penurunan Wahyu Tanpa Perantaraan
- Penurunan Wahyu Dengan Perantaraan
- Wahyu dari Allah S.W.T
- Riwayat Hidup Ringkas Para Penulis Wahyu

**Rajah 1:** karya Asmawi Hj Ehsan berjudul Ulum Al-Quran

### Bahagian C Wahyu

#### Pengertian Wahyu

- Pengertian Bahasa
- Pengertian Istilah

#### Jenis-jenis Wahyu

#### Cara Penurunan Wahyu

#### Tokoh Penulis Wahyu

- Zaid bin Thabit R.A
- Muaz bin Jabal R.A

**Rajah 2:** karya Rosmawati Ali@Mat Zin berjudul Pengantar Ulum Al-Quran

### Gaya Bahasa

Gaya bahasa yang digunakan juga menjadi kayu ukur untuk melihat metode yang digunakan oleh penulis dalam karya mereka. Hal ini demikian kerana, melalui gaya bahasa penulis mampu menyampaikan isi kandungan dan ilmu kepada para pembaca sekaligus mengangkat ilmu tersebut untuk difahami oleh pembaca. Dalam erti kata lain, gaya bahasa ialah sebuah persembahan untuk mengetengahkan ilmu kepada subjek utama.

Sebagai contoh gaya bahasa yang dihasilkan oleh penulis Rosmawati Ali@Mat Zin dalam Bahagian E, topik ketiga (III) bertajuk Cara Mengetahui Ayat iaitu (Rosmawati Ali,1997):

*“Berkaitan dengan cara untuk mengetahui ayat-ayat al-Quran, ulama terbahagi kepada dua pendapat, iaitu:*

1. *Menurut pendapat jumhur ulama, untuk mengetahui dan cara mengetahui ayat serta menentukan ayat al-Quran tidak boleh dengan kajian atau penelitian begitu sahaja. Untuk mengetahuinya adalah melalui ketetapan, petunjuk atau taufiqi daripada baginda Rasulullah S.A.W. Justeru itu juga, ia tidak boleh diketahui melalui ijtihad ataupun qiyas. Jumhur berpendapat demikian dengan hujah mereka, antaranya ialah.....”.*

Perbandingan dengan sedutan daripada karya yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan dalam bab Ayat dan Surah Al-Quran Serta Tertibnya, topik yang berjudul Cara Mengenal Ayat (Asmawi, 2006):

*“Dua cara mengenali ayat al-Quran iaitu;*

1. *Melihat secara pasti sebelum dan sesudah sesuatu ayat tersebut dari segi panjang dan pendeknya.*
2. *Mengenali bentuk-bentuk pemisah sesuatu ayat.*

Kesimpulannya, karya Rosmawati Ali@Mat Zin memperlihatkan gaya bahasa yang mudah dan mempunyai huraian yang terperinci. Hal ini demikian kerana penulis menegaskan beliau telah menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami untuk menghuraikan perkara berdasarkan hujah dan dalil nas. Oleh itu,

perbahasan yang dihuraikan adalah lebih terperinci (Rosmawati Ali, 1997). Manakala karya yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan, menggunakan gaya bahasa yang amat ringkas dan kadangkala menerangkan sesuatu melalui bentuk nombor. Hal ini kembali kepada tujuan penumpuan karya ini dihasilkan adalah untuk menjadi rujukan pelajar STPM (Asmawi, 2004). Oleh itu, penulis mengambil metode yang sesuai dengan tahap pembacaan penulisan tersebut.

### **Sumber Rujukan**

Sumber rujukan memainkan peranan yang penting kerana melalui rujukan dapat membantu penulis menyampaikan ilmu yang lebih berkesan dan baik. Hal ini mempengaruhi buah fikiran serta idea yang lebih bernas sekiranya penulis menggunakan sumber rujukan ditahap optimum.

Melalui karya yang ditulis oleh Asmawi Haji Ehsan, penulis menyenaraikan lapan buah buku rujukan yang telah memberi sumbangan buah fikiran pada penulisan beliau. Berikut ialah senarai buku-buku kecuali al-Quran yang dijadikan sebagai rujukan iaitu (Asmawi, 2004):

1. Manna Khalil Al-Qattan Mabahith Fi Ulumil Quran.
2. Mabahith Fi Ulum Al-Quran karya Subhi Soleh.
3. Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran karya As-Sayuti.
4. Manahil Ifran Fi Ulum Al-Quran karya Al-Zurqani.

Manakala, Rosmawati Ali@Mat Zin telah menyenaraikan lima belas buah buku rujukan yang telah diguna pakai dalam penghasilan karya beliau. Rujukan yang dipilih oleh beliau mempunyai persamaan dengan rujukan karya penulisan Asmawi Haji Ehsan sebanyak empat buah buku iaitu karya Subhi Soleh yang berjudul Mabahith Fi Ulum Al-Quran, diikuti dengan karya As-Sayuti iaitu Al-Itqan Fi Ulum Al-Quran, karya Al-Zurqani iaitu Manahil Irfan Fi Ulum Al-Quran. Penambahan kandungan rujukan disusuli dengan beberapa buah buku iaitu (Rosmawati Ali, 1997):

1. Al-Burhan Fi Ulum Al-Quran karya Al-Suyuti.
2. Al-Tibyan Fi Ulum Al-Quran karya Al-Sabuni.
3. Nayl Al-Autar Min Ahadith, Dirasat Hawl Al-Quran dan kitab Badran Abu Al-Aynayn karya Sayyid Al-Akhyar Al-Syaukani.

Melalui pandangan pengkaji, kedua penulis menjadikan al-Quran sebagai rujukan utama diikuti dengan kitab hadis. Walau bagaimanapun, Rosmawati Ali@ Mat Zin menunjukkan ketelitian dalam menggunakan rujukan dengan memasukkan kitab hadis muktabar dalam penulisan beliau. Tambahan pula, kitab yang menjadi sumber rujukan kedua orang penulis adalah rujukan Bahasa Arab, menunjukkan tahap keperluan masyarakat pada waktu tersebut terhadap rujukan Bahasa Melayu. Usaha dan kerja keras kedua penulis sangat bermakna dan memberi impak yang besar dalam penyebaran ilmu Ulum Al-Quran.

### **KEKUATAN DAN KELEMAHAN KARYA**

Kekuatan karya Asmawi Haji Ehsan, berjudul Ulum Al-Quran telah menjadi rujukan untuk semua lapisan masyarakat. Begitu juga, menjadi rujukan terpenting

bagi pelajar khususnya yang menduduki peperiksaan STPM yang mencari rujukan Bahasa Melayu selain rujukan Bahasa Arab (Asmawi, 2004). Bukti, karya ini telah diulang cetak sehingga cetakan yang kedua iaitu pada tahun 2004 dan cetakan pertama adalah pada tahun 1995. Oleh kerana, penulis pada masa tersebut terlibat secara langsung dalam bidang pendidikan yang telah disebut penulis sebagai tenaga pengajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Simpang 5, Sungai Besar, Selangor. Hal ini bertitik tolak dengan faktor huraian perbahasan yang ringkas beserta dalil dan hujah nas terhadap sesuatu perkara yang didatangkan secara ringkas (Asmawi, 2004).

Kekuatan tambahan pada karya ini mempunyai elemen yang bertajuk soalan-soalan latihan. Soalan yang telah dibuat sedikit sebanyak membantu masyarakat awam untuk memberi tumpuan perkara penting dalam karya ini. Semestinya, bahagian ini sangat memberi manfaat yang besar buat golongan sasaran penulis kerana pelajar dapat mengulangkaji berdasarkan soalan-soalan tersebut. Soalan tersebut meliputi keseluruhan bab dan disusun mengikut bab. Soalan itu juga berbentuk subjektif atau esei pendek dan meliputi aras soalan yang tinggi seperti analisis (Asmawi, 2004). Contoh petikan dalam soalan dari bab kesebelas:

*“Az-Zamakhsyari dalam penulisan banyak cenderung kepada mazhab Muktazilah yang dianutinya. Walaupun begitu, dia amat menitikberatkan tentang aspek bahasa. Bincangkan kenyataan dan faedahnya dalam menyakini al-Quran kitab teragung dalam semua aspek beliau”.*

Namun begitu, kelemahan karya berdasarkan perbandingan dengan karya Rosmawati Ali adalah faktor penyusunan subtopik dalam bab (Asmawi, 2004). Selain itu, huraian yang dibuat oleh penulis adalah terlalu ringkas sehingga sumber sebuah definisi tidak dinyatakan. Hal ini demikian kerana, pada waktu tersebut tidak ditekankan sorotan daripada sumber asal.

Kekuatan karya Rosmawati Ali@Mat Zin, berjudul Pengantar Ulum Al-Quran memberi huraian dan susunan tajuk yang lebih sistematik. Oleh itu, karya beliau sangat mudah difahami oleh orang awam kerana penyusunan tersebut dan ditambah pula dengan gaya bahasa yang mudah agar dapat difahami walaupun beliau meletakkan beberapa pendapat dalam sesuatu hujah (Rosmawati Ali, 1997).

Tambahan lagi, penulis telah menyusun topik utama dan membuat penyusunan yang lebih relevan dengan meletakkan sesuatu tajuk dengan topik utama yang bersesuaian. Hal ini dapat memudahkan pembaca terutama bagi individu yang tidak mempunyi pengetahuan awal mengenai Ulum Al-Quran. Penulis juga menulis nas al-Quran dengan jelas dan meletakkan perbahasan yang sesuai untuk memudahkan kefahaman pembaca (Rosmawati Ali, 1997).

Namun begitu, kelemahan karya penulisan ini berbanding dengan karya Asmawi Haji Ehsan ialah penulis tidak menonjolkan tajuk dalam sebahagian subtopik yang penting dalam karya ini seperti perbahasan mengenai pendapat sahabat dalam penyusunan ayat dan surah dalam al-Quran (Rosmawati Ali,

1997). Selain itu, penulis harus mewujudkan satu senarai indeks untuk memudahkan carian pembaca dalam sesuatu tajuk yang tertentu.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, penghasilan karya mengenai ilmu Ulum Al-Quran dalam Bahasa Melayu memainkan peranan yang penting bagi perkembangan ilmu Al-Quran di Malaysia. Walaupun terdapat kelebihan dan kekurangan dalam hasil penulisan dua karya ini, impaknya yang besar memberi penjelasan dan pemahaman yang terbaik kepada masyarakat awam secara umum dan pelajar khususnya. Bertitik tolak daripada karya yang dihasilkan oleh ulama yang menggunakan Bahasa Arab sebagai bahasa pengantar atau kitab *turath* yang menjadi rujukan umat Islam dan karya tersebut dibuat hasil daripada permintaan masyarakat terhadap rujukan yang menggunakan bahasa pengantar iaitu Bahasa Melayu.

## BIBLIOGRAFI

- Asmawi Haji Ehsan. 2004. *Ulum al-Quran*, Ed. ke-2, Kuala Lumpur, Pustaka Abdul Majid.
- Faisal Ahmad Shah. 2010. *Manahij Al-Muhaddithin Metode dan Pendekatan Sarjana Hadith*, Edisi Pertama. Kuala Lumpur: APIUM.
- Mazlan Ibrahim. 2008. *Tafsir Harian Al-Quran Al-Karim Kajian Tokoh dan Metodolog*, Edisi Pertama. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustaffa Abdullah. 2009. *Khazanah Tafsir di Malaysia*, Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mustaffa Abdullah. 2011. *Khazanah Tafsir di Nusantara*, Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rosmawati Ali@Mat Zin. 1997. *Pengantar Ulum al-Quran*, Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Zulkefli bin Hj Abu Bakar. 2015. *Ulum al-Quran dan Ulum al-Hadith*, Ed. ke-3. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Zulkifli Haji Mohd Yusoff, Ahamad Hassan Farhat. 2013. *Tafsir Maudu "I Surah-Surah Pilihan*, Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research.